

08 DEC 1998

KEMPEN-RUMAH/I

POTONGAN TAMBAHAN BAGI PEMBELI BUMIPUTERA SEMASA KEMPEN MILIK RUMAH

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Para pembeli Bumiputera harta-harta kediaman semasa kempen pemilikan rumah sebulan akan mendapat tambahan lima peratus potongan selain daripada potongan 10 peratus minimum yang ditawarkan oleh para pemaju.

Presiden Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia (HDAM) Datuk Eddy Chen Lok Loi berkata hari ini 122 pemaju yang setakat ini mendaftar untuk menyertai di dalam kempen itu telah bersetuju untuk menawarkan potongan tambahan itu.

Bercakap pada persidangan akhbar di sini, katanya bagi harta-harta yang siap atau sedang dalam pembinaan, harganya akan berasaskan kepada paras semasa dan bukan kadar pelancarannya.

Kempen yang digerakkan oleh kerajaan itu, yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu ini, akan berlangsung sehingga 12 Jan 1999.

Diperakukan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), kempen itu bertujuan meningkatkan pemilikan rumah sebagai cara menggalakkan pemulihan ekonomi.

Kempen itu juga meliputi rumah-rumah yang belum dibina oleh para pemaju yang telah memperolehi pembiayaan akhir dan yang mana tiada perjanjian jual beli ditanda tangani.

Chen berkata HDAM menjangka lebih banyak anggotanya akan menyertai kempen itu. HDAM kini mempunyai 700 anggota.

Semua bank dan syarikat kewangan akan menawarkan 95 peratus pembiayaan bagi harta-harta kediaman yang dibeli semasa tempoh kempen itu. Bagaimanapun ini hanya meliputi harta-harta sehingga RM250,000.

Ketua Eksekutif Bank Bumiputra Malaysia Bhd Datuk Abdul Aziz Othman, yang mewakili Persatuan Bani-bank di Malaysia, berkata anggota-anggota ABM dan mereka di dalam Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan di Malaysia (AFCM) akan mengenakan sembilan peratus faedah ke atas harta-harta sehingga RM100,000.

"Bagi harta-harta yang berharga di antara RM100,000 dan RM250,000, kami akan mengenakan kadar berian pinjaman asas (BLR) dan tanpa peratusan bagi tahun pertama kanakala tahun berikutnya, ia adalah BLR campur 1.5 peratus," tambahnya. BLR sekarang ialah kira-kira 8.05 peratus.

Abdul Aziz berkata tempoh pinjaman adalah mengikut budibicara bank-bank dan syarikat kewangan. Kini tempohnya adalah di antara 10 hingga 35 tahun.

"Kami telah diberitahu bahawa terdapat juga potongan bagi yuran guaman berasaskan kepada perundangan individu," tambahnya.

Dalam menjangka kempen itu akan merangsang pertumbuhan pinjaman di sektor perbankan, pengerusi AFCM Datuk Tay Ah Lek berkata, ini bagaimanapun tidak akan menjejaskan adanya pembiayaan sekunder bagi hartanah. "Kami mempunyai dana yang banyak," tambahnya.

Bagi rumah-rumah melebihi RM250,000, Tay berkata pinjaman akan dibayar berasaskan kepada syarat-syarat biasa.

Ditanya sama ada rakyat asing berhak kepada pelbagai tawaran di bawah kempen itu, Chen berkata: "Ini akan diumumkan oleh perdana menteri."

Menjelaskan kenapa kempen itu dijalankan dalam tempoh yang pendek satu bulan, Chen berkata ini adalah untuk mengadakan galakan sekali sahaja kepada industri perumahan.

Faedah-faedah lain yang ditawarkan semasa kempen itu ialah potongan insurans yang ditawarkan oleh anggota-anggota Persatuan Insurans Am Malaysia dan Persatuan Insurans Nyawa Malaysia. -- BERNAMA

AD LPS OS